

Perkembangan Pemerian Unsur Nahuan Adalah dan Ialah

The Development of qualifiers 'Adalah' and 'Ialah'

Norhasliza Ramli¹ Norfazila Ab. Hamid²

ABSTRAK

Kata pemerian dalam bahasa Melayu yang diiktiraf dalam buku tatabahasa pegangan negara hanya adalah dan ialah. Walaupun, ada ahli bahasa yang mengatakan bahawa unsur nahuan 'merupakan' ialah kata pemerian juga, tetapi pendapat tersebut disangkal oleh ahli bahasa yang berlainan aliran tatabahasa. Sungguhpun begitu, dalam penulisan ini hanya akan menyentuh dan memaparkan perbincangan daripada kajian-kajian tentang adalah dan ialah yang dipelopori oleh sarjana juga ahli bahasa tersohor negara. Hasil pemaparan maklumat dalam penulisan ini boleh dijadikan panduan dan pedoman bagi peminat pencinta nahu bahasa Melayu untuk melakukan kajian mendatang yang lebih autentik, berwibawa dan berpada penghuraiannya untuk tatapan generasi terkemudian.

Kata kunci: *adalah, ialah, nahu, preskriptif, deskriptif.*

ABSTRACT

Two grammatical elements that recognized in the Malay language grammar book, named Tatabahasa Dewan are adalah and ialah. Although, there are linguists who say that they have another grammatical element call 'merupakan' as well, but the opinion is refuted by linguists of different grammatical streams. Even so, in this writing will only touch and display discussions from studies on adalah and ialah that pioneered by scholars and as well as national linguists. The result of the exposure information in this study can serve as a guide to whom which interested of Malay grammar, so that they can do better research for future generations.

Keywords: *adalah, ialah, grammar, prescriptive, descriptive.*

Pendahuluan

Polemik perbincangan dan kajian tentang kata pemerian *adalah* dan *ialah* dianggap masih lagi belum menemui titik noktah. Para ilmuan dan ahli bahasa masih mencari-cari formula terbaik untuk merungkai permasalahan bagi dua unsur nahuan tersebut. Kajian demi kajian dilakukan bertitik-tolak daripada satu kenyataan yang dikeluarkan di dalam buku nahu pegangan semasa negara, iaitu buku Tatabahasa Dewan, Tatabahasa Dewan Ed. Baru dan Tatabahasa Dewan Ed.

¹ Norhasliza Ramli, MA, KUIS, norhasliza@kuis.edu.my

² Norfazila Ab. Hamid, PhD, KUIS, norfazila@kuis.edu.my

ke-3 (1986, 1993, 2004, 2006, 2008, 2009) yang mengatakan bahawa penggunaan kata pemerian amat terbatas dan kurang digalakkan dalam pembentukan ayat bahasa Melayu.

Selain itu, menurut Nik Safiah et.al (2004), kata pemerian tidak boleh hadir di hadapan frasa kerja atau kata kerja. Nik Safiah et. al (2004) juga mengingatkan bahawa penggunaan kata pemerian dalam ayat yang tidak mengikut konvensyen peraturan nahu mereka, dianggap menyalahi hukum tatabahasa bahasa Melayu.

Objektif Kajian

Penulis ingin memperlihatkan kajian-kajian yang memerihalkan tentang kata pemerian *adalah* dan *ialah* dari dahulu hingga yang terkini sebagaimana yang telah dilakukan oleh sarjana dan ahli-ahli bahasa di negara ini. Penulis akan menunjukkan sisi kekuatan dan beberapa sisi kelemahan kajian agar kajian mendatang terhadap dua unsur nahuan ini akan menjadi lebih berpada dan diyakini kesahihannya. Selain itu, penulis juga turut memberi saranan idea untuk kajian mendatang bagi sesiapa yang ingin mengkaji lebih jauh tentang dua unsur nahuan ini.

Permasalahan Kajian

Jika diteliti daripada kajian-kajian terhadap kata pemerian ini, kajian-kajian tersebut mempunyai metodologi dan dapatan yang berbeza disebabkan data mentah yang digunakan untuk memperlihatkan gelagat penggunaan *adalah* dan *ialah* itu berbeza. Perbezaan dan kelainan yang terhasil melalui kajian tersebut itulah sisi yang menarik untuk diperlihatkan dalam artikel ini agar boleh dimanfaatkan oleh generasi pencinta bahasa masa kini. Bukan bertujuan untuk memperlekeh atau merendah-rendahkan kajian yang wujud sebelum ini, bahkan kajian terdahululah yang menjadi pemangkin kepada kajian mendatang yang lebih baik dan diharapkan menjadi pengukuhan ke arah ilmu yang lebih diyakini dan berwibawa. Yang pasti, kajian-kajian tersebut tentu sahaja ada sisi kekuatan dan kelemahannya.

Sorotan Literatur

Menurut bacaan penulis, pemerihalan unsur kata pemerian *adalah* dan *ialah* dalam kosa ilmu dapat dikelompokkan kepada empat, iaitu Huraian Nahu Batasan Ayat, Huraian Nahu Separuh Wacana, Huraian Nahu Korpus dan Huraian Nahu Wacana. Huraian Nahu Batasan Ayat bermaksud kajian nahu yang melibatkan pemerihalan tentang unsur nahuan *adalah* dan *ialah* menggunakan data ayat tunggal rekaan sendiri dan tiada konteks. Bagi Huraian Nahu Separuh Wacana ialah kajian nahu yang dibuat berteraskan pemanfaatan petikan data teks wacana Melayu sementara Huraian Nahu Korpus ialah kajian nahu yang menggunakan data korpus berkomputer yang kontemporari, besar dan autentik sifatnya. Darwis (1994), Abdullah dan Ainon (1994) dan Nik Safiah et.al (2004) ialah kajian dalam golongan Huraian Nahu Batasan Ayat, sementara Asmah (1993) dan Za'ba (1961) ialah kajian dalam Huraian Nahu Separuh Wacana. Kajian Idris (2004), Noriha (2004) dan yang agak terkini ialah kajian oleh Khairul Taufiq Abu Bakar (2017) yang dikategorikan dalam Huraian Nahu Korpus. Sementara kajian dalam kelompok terakhir ialah Huraian Nahu Wacana dilakukan oleh Norhasliza (2010). Huraian lanjut berkenaan kajian-kajian tersebut akan dikemukakan dalam dapatan kajian.

Metodologi Kajian

Metodologi merupakan cara atau tatacara gerak kerja dalam sesuatu penyelidikan. Metod atau kaedah yang baik dan sesuai akan menghasilkan dapatan kajian yang baik. Dalam erti kata lain, metodologi kajian adalah meliputi cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk mencapai objektif kajian. Dalam tulisan ini, penulis mencari maklumat-maklumat penting berkaitan kajian-kajian terdahulu tentang kata pemer. Semua kajian-kajian lepas itu, penulis kelompokkan dan diberi label nama mengikut data mentah yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu dalam memerihalkan gelagat unsur nahuan *adalah* dan *ialah*. Kelompok dan label tersebut penulis namakan sebagai Huraian Nahu Batasan Ayat, Huraian Nahu Huraian Nahu Separuh Wacana, Huraian Nahu Korpus dan Huraian Nahu Wacana. Selepas pengelompokan data dibuat, pengkaji membuat analisa setiap dapatan kajian tersebut. Dengan ini, pengkaji akan datang dapat menjadikan penulisan ini sebagai landasan untuk melihat kekuatan dan kelemahan kajian yang sedia ada bagi kemudahan kajian akan datang.

Dapatan Kajian

Berikut diperturunkan dapatan kajian terdahulu yang memerikan gelagat dan kefungsiian *adalah* dan *ialah* dengan pendekatan kajian masing-masing.

Huraian Nahu Batasan Ayat

Huraian Nahu Batasan Ayat ialah kajian yang memerikan unsur nahuan *adalah* dan *ialah* menggunakan pendekatan ayat-ayat contoh yang dibuat sendiri dan pemerriannya hanya berlegar-legar pada aras ayat tunggal semata-mata. Hal ini dipersetujui oleh Yunus (1978) bahawa Huraian Nahu Batasan Ayat ialah kajian nahu yang berasaskan ayat tunggalan dan ayat sedemikian merupakan ayat yang berdiri sendiri tanpa disertai maklumat keperihalan keadaan (*context of situation*). Menurut Yunus, keperihalan keadaan (*context of situation*) ialah bahasa yang dituturkan oleh masyarakat penutur dikatakan tepat bersabitan benda-benda, keadaan-keadaan dan apa-apa yang dilakukan oleh mereka itu.³ Lagipun, pengkaji yang memerihalkan nahu berdasarkan ayat bikinan sendiri disifatkan oleh Lutfi (1984: 12) sebagai,

Ayat-ayat buatan dibuat oleh ahli bahasa yang tidak mahu meninggalkan kerusi empuk dari bilik berhawa dingin di kampusnya untuk merakam perbualan penutur-penutur asli. Sebaliknya, ia akan menciptakan ayat-ayat sendiri yang mungkin tidak pernah diucapkan oleh penutur-penutur asli. Ia akan mereka-reka ayat yang janggal bagi penutur asli. Jadi, perkataan yang sesuai untuk orang-orang seperti ini ialah sepatah perkataan “mengada-ngada”.

Mesej yang hendak disampaikan oleh Lutfi (1984) tersebut adalah jelas. Beliau mahukan pengkaji bahasa akan datang lebih berinovatif dalam memerihalkan nahu bukannya mengambil jalan senang dengan menggunakan ayat bikinan sendiri. Ia sudah pasti mendatangkan kelompangan dalam penghuraian kajian tersebut. Pendekatan preskriptif ahli-ahli bahasa sebelum ini hanya mementingkan ayat yang menepati rumus ciptaan yang diadadakan oleh mereka. Jika bertepatan dengan rumus, ayat tersebut dianggap gramatis, atau betul

³ Yunus Maris dalam *Rencana Linguistik*, Abdullah Hassan. (ed) 1978. hlm. 164-9

daripada segi tatabahasa, meskipun ayat yang direka tersebut janggal di pendengaran penutur asli. Sementara itu, kata atau ayat yang seringkali digunakan menyalahi bentuk rumus bahasa yang direka dianggap tidak gramatis. Bermakna mereka hanya menekankan peraturan betul-salah penggunaan bahasa dalam masyarakat, walaupun ayat tersebut produktif dan digunakan secara meluas dalam masyarakat.

Pengkaji-pengkaji yang menghurai unsur nahuan *adalah* dan *ialah* berdasarkan Huraian Nahu Batasan Ayat ialah Darwis (1994) Abdullah dan Ainon (1994) dan Nik Safiah et.al (2004). Darwis (1994) dalam buku *Pembinaan kata kerja dari sudut makna* menamakan unsur nahuan *adalah* dan *ialah* sebagai kata pemerri. Beliau menjelaskan bahawa kata pemerri *adalah* bertugas sebagai memerikan kata sendi nama. Darwis (1994) menggunakan pendekatan data ayat buatan sendiri dalam memerihalkan unsur nahuan *adalah* dan *ialah*. Contoh ayat rekaan yang beliau kemukakan dalam buku nahu tersebut ialah:

- [1] Bunga itu *adalah* untuk Siti.
- [2] Buku itu pula *adalah* bagi keperluan bahan kuliah.
- [3] Wang ini untuk fakir miskin.
- [4] * Kertas kerja ini *ialah* untuk keperluan seminar esok.
- [5] * Pelari itu *adalah* berlari di tepi pantai.
- [6] Pelari itu berlari di tepi pantai.

Berdasarkan deretan ayat-ayat ciptaan Darwis (1994) di atas, penulis berpendapat bahawa pemerian tentang gelagat dan kefungsi kata pemerri *adalah* dan *ialah* masih terbatas dalam lingkungan ayatan semata. Hal ini dapat dibuktikan dengan jelas dalam contoh ayat [1] bagi kata pemerri *adalah*. Menurut hukum tatabahasa beliau, kata pemerri *adalah* perlu diikuti oleh kata sendi nama *untuk* dan begitu juga dalam ayat [2], kata pemerri *adalah* perlu diikuti oleh kata sendi nama *bagi*. Dan, kata sendi nama ini pula akan diikuti oleh kelompok kata yang lain. Maka, beliau membuat merumuskan bahawa selepas kata pemerri perlu diikuti oleh kata sendi nama yang bersesuaian dan kata sendi nama itu pula boleh diikuti oleh kelompok kata yang menerangkan kata sendi nama sebelumnya. Ternyata Darwis (1994) cuba memadankan atau mensecocokkan penggunaan kata pemerri *adalah* dengan kata yang mengikutinya.

Bukan itu sahaja, untuk meyakinkan pembaca terhadap hujahnya, Darwis (1994) membuat uji kaji dengan mengambil pendekatan ‘cuba-cuba jaya’ dengan menggugurkan kata pemerri *adalah* dalam ayat ciptaannya itu. Misalnya, dalam paparan ayat [3]. Berdasarkan uji kaji itu, beliau ternyata berpuas hati dan membuat ketetapan bahawa jika kata pemerri digugurkan daripada ayat tersebut, ayat tersebut masih gramatis kerana boleh difahami oleh pembaca. Bagaimanapun, beliau melarang jika sesuatu ayat tidak jelas maknanya, maka pengguguran kata pemerri *adalah* tidak dibenarkan sama sekali. Sebagai contoh, seperti dalam ayat berikut:

- [7] (i) Dia *ialah* dia.
(ii) *Dia dia.
- .
- [8] (i) Ahmad *ialah* Ahmad.
(ii) Ahmad Ahmad.

Sementara ayat contoh dalam [4] menurut Darwis (1994), tidak gramatis (ditandai dengan simbol *) kerana selepas kata pemerri *ialah* kelompok kata yang mengikuti selepasnya

tidak boleh diikuti oleh kata sendi nama *untuk*. Ketidakgramatisan ayat juga ditunjukkan oleh Darwis (1994) dalam ayat [5]. Beliau merumuskan bahawa selepas kata pemerian *adalah* tidak boleh diisi oleh kata kerja *berlari*. Bagi Darwis (1994), contoh ayat ini menunjukkan bahawa kata pemerian dan kata kerja berada pada kedudukan yang sama.

Berkenaan penghuraian gelagat dan kefungsiian tentang *ialah* pula, Darwis (1994:71), mengatakan bahawa fungsi kata pemerian *ialah* adalah untuk memerikan kata atau kelompok namaan. Berikut dipaparkan ayat-ayat tersebut:

- [9] Nama saya *ialah* Ahmad.
- [10] Buku ini *ialah* kepunyaan saya.
- [11] Dia seorang guru di sekolah saya.
- [12] * Datuk Maharajalela *adalah* seorang pejuang tanah air.
- [13] * Bukit itu *ialah* tinggi.
- [14] Bukit ini rendah.

Dapat dilihat dalam ayat [9], Darwis (1994:71), menetapkan bahawa kata pemerian *ialah* diikuti oleh nama *Ahmad* manakala dalam ayat [10], kata pemerian *ialah* diisi selepasnya oleh kelompok kata namaan, iaitu *kepunyaan saya*. Sementara ayat contoh dalam [11], memperlihatkan berlakunya ketidakhadiran kata pemerian *ialah* kerana pada hemat beliau, jika ayat tersebut dapat difahami atau boleh diterima, maka ayat itu gramatis, sama seperti penjelasan beliau dalam contoh ayat *adalah* sebelum ini.

Bagaimanapun, untuk ayat contoh [12], Darwis (1994) berpendapat penggunaan kata pemerian *adalah* tidak gramatis kerana kata yang hadir selepasnya ialah *seorang pejuang tanah air* iaitu dalam kelompok kata namaan. Begitu juga dengan ayat berikutnya dalam [13] dikatakan tidak gramatis kerana selepas kata pemerian *ialah* diisi oleh kata sifat iaitu *tinggi*. Bagaimanapun, ayat contoh [14] dikatakan gramatis kerana tempat kata pemerian diisi oleh kata sifat. Yang Darwis (1994) ingin buktikan di sini ialah kedudukan kata pemerian dan kata sifat adalah sama. Daripada uji kaji beliau ini, beliau memutuskan bahawa kata pemerian *adalah* dan *ialah* boleh digunakan sebelum frasa nama tetapi tidak boleh dipakai sebelum frasa adjektif.

Untuk lebih jelas lagi, Darwis (1994:72) membuat kesimpulan bahawa ketiga-tiga golongan kata, iaitu kata pemerian, kata kerja dan kata sifat dapat digolongkan dalam kata yang lebih besar, iaitu kata karyaan kerana berada dalam kedudukan yang sama. Oleh kerana golongan kata tersebut berada pada kedudukan yang sama, maka kehadiran salah satu golongan kata itu, mahupun secara serentak dalam ayat menjadikan ayat tersebut tidak gramatis.

Selain itu, Darwis (1994) turut mengingatkan bahawa kata *adalah* dan *ialah* dikelompokkan dalam nodus kata tugas yang dinamai sebagai kata pemerian. Maka, fungsinya bertugas untuk memerikan kata atau kelompok kata yang mengikutinya dan bukan bertugas sebagai penerang. Kata tugas bukan kata inti kerana tidak memiliki makna kerana kedudukannya dalam ayat adalah sama dengan kata kerja dan kata sifat. Darwis (1994) juga tidak menafikan bahawa pengguna bahasa sering terkeliru dengan menukargantikan penggunaan *adalah* dan *ialah* antara satu sama lain dalam ayat.

Berdasarkan hujah yang agak panjang lebar oleh Darwis (1994), dapat disimpulkan bahawa uji kaji yang dijalankan oleh Darwis (1994) tentang gelagat dan kefungsiian kata pemerian *adalah* dan *ialah* masih belum memadai kerana keperihalan tentangnya masih berteraskan ayat ciptaan yang terbatas (tidak luas), tanpa konteks situasi, di samping tiada teori yang konkrit dan berpada yang boleh mensahihkan kebenaran uji kajinya itu. Maka, kajian kata pemerian

adalah dan *ialah* oleh Darwis (1994) ini mempunyai kelompangannya kerana masih belum berupaya menjelaskan gelagat dan kefungsiannya kata pemeris tersebut secara tuntas dan berpada.

Kajian berikutnya, yang menghuraikan unsur nahuan *adalah* dan *ialah* dalam kelompok Huraian Nahu Batasan Ayat ialah Abdullah dan Ainon (1994) dalam buku nahu yang mereka namakan sebagai *Tatabahasa Dinamika*. Sama juga dengan pengkaji sebelum ini, Abdullah dan Ainon menamakan *adalah* dan *ialah* sebagai kata pemeris. Mereka bersepakat mengatakan bahawa terdapat satu lagi kata pemeris selain *adalah* dan *ialah*, iaitu *merupakan*.⁴ Mereka menjelaskan fungsi yang dibawa oleh kata pemeris *ialah* dan *merupakan* sebagai penghubung subjek dan predikat yang mana kedua-duanya mempunyai makna yang sama. Oleh itu, kedudukan subjek dan predikat menurut Abdullah dan Ainon boleh bertukar tempat. Contoh penggunaan ayat *ialah* seperti di bawah (1994: 226):

- [15] (i) Guru yang baru datang itu *ialah* guru bahasa Inggeris.
(ii) Guru bahasa Inggeris *ialah* guru yang baru datang itu.

Sementara kata pemeris *adalah* pula memberi huraian lanjut berkenaan subjek (benda) yang disebutkan sebelumnya. Mereka memberi contoh ayat berikut (1994: 227):

- [16] (i) Berita itu *adalah* palsu.

Yang jelas, melalui contoh ayat tunggal ciptaan mereka yang begitu terbatas seperti yang diperturunkan, kajian ini berpandangan, penerangan mereka tentulah menjadi kurang jitu dan bersifat permukaan semata-mata dalam mewajarkan penghuraian tentang gelagat dan kefungsiannya *adalah* dan *ialah*. Lantaran itulah, kajian ini menyifatkan kajian mereka adalah Huraian Nahu Batasan Ayat yang benar-benar terhad dari aspek maklumatnya lantas menyempitkan penghuraian tentang kedua unsur nahuan tersebut.

Kajian dalam kelompok Huraian Nahu Batasan Ayat yang seterusnya ialah Nik Safiah Karim dan rakan-rakan menerusi buku nahu yang berjudul *Tatabahasa Dewan, Tatabahasa Dewan* Ed. baru dan *Tatabahasa Dewan* Ed. ke-3 (1986, 1993, 2004, 2006, 2008, 2009) yang sehingga kini dijadikan buku nahu pegangan semasa bagi sekolah-sekolah, maktab-maktab dan institusi pengajian tinggi awam ataupun swasta. Mereka turut membikin ayat sendiri dan menetapkan rumus-rumus yang patut beroperasi sekiranya ingin menggunakan kata pemeris *adalah* dan *ialah* dalam ayat-ayat bahasa Melayu.

Berbeza dengan Asmah (1993), Nik Safiah dan rakan-rakan (2004) menggelarnya sebagai kata pemeris. Menurut mereka, kata pemeris menjadi pemeris hal atau perungkai antara subjek dengan frasa-frasa utama dalam predikat. Ia berlaku melalui dua cara iaitu secara ekuatif, iaitu menggunakan kata pemeris *ialah* sekiranya terdapat persamaan antara subjek dan predikat, dan menggunakan kata pemeris *adalah* sekiranya menghurai tentang subjek dan predikat. Contoh yang dikemukakan oleh Nik Safiah dan rakan-rakan (2004) dalam menjelaskan penggunaan kata pemeris *ialah* yang hadir secara persamaan ialah seperti contoh ayat berikut:

- [1] Pukat payang yang sesuai untuk sesetengah perairan daratan *ialah* yang berukuran 200 m panjang, 20 m dalam di bahagian tengahnya dan 3 m dalam di kedua-dua hujungnya.

⁴ Walaupun *merupakan* juga kata pemeris, namun kajian ini hanya dibataskan kepada dua unit unsur nahuan sahaja iaitu *adalah* dan *ialah* untuk dibincangkan.

Menurut beliau lagi, kata pemeris *ialah* hanya boleh hadir di hadapan frasa nama sementara kata pemeris *adalah* pula hanya hadir di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama. Contoh penggunaan kata pemeris *adalah* secara huraian yang hadir di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama, ditunjukkan oleh mereka dalam ayat berikut:

- [2] Ciri utama corak jalur tersebut yang terhasil melalui elektroforesis yang dapat dilihat pada medium gel *adalah* khusus bagi setiap spesies ikan.

Bagaimanapun, mereka bersepakat menyatakan bahawa kata pemeris tidak boleh hadir bersama-sama kata nafi. Berikut ialah contoh ayat yang mereka kemukakan:

- [3] *Siswazah yang baru lulus itu *ialah* bukan pengetua maktab. (seharusnya: Siswazah yang baru lulus itu bukan pengetua maktab.)
[4] *Arahan itu *adalah* bukan untuk semua pegawai. (seharusnya: Arahan itu bukan untuk semua pegawai.)

Namun demikian, mereka menyatakan tidak salah jika kata pemeris wujud dalam binaan kata nafi dan frasa adjektif. Contohnya:

- [5] Kenyataan itu *adalah* tidak benar.
(boleh juga : Kenyataan itu tidak benar)
[6] Keputusan itu *adalah* tidak adil.

Pada hemat Nik Safiah et. al (2004) lagi, penggunaan kata pemeris amat terbatas dan kurang digalakkan dalam pembentukan ayat bahasa Melayu. Kata mereka:

Sebagai kesimpulan, perlu diingat bahawa penggunaan kata pemeris amat terbatas, dan sebenarnya kurang digalakkan dalam pembentukan ayat-ayat bahasa Melayu. Perlu juga diingat bahawa kata-kata pemeris tidak boleh hadir di hadapan frasa kerja atau kata kerja.

(Nik Safiah et.al, 2004: 251)

Bagaimanapun, kajian ini nanti mempunyai pandangan yang berbeza kerana kata pemeris tidak boleh dihadkan penggunaannya kerana mempunyai fungsi-fungsi tertentu pada aras wacana, bahagian, perenggan dan seterusnya ayat/klausa. Nik Safiah et. al (2004) juga mengingatkan bahawa kata-kata pemeris tidak boleh hadir di hadapan frasa kerja atau kata kerja. Berikut ialah kenyataan mereka:

Oleh yang demikian penggunaan kata pemeris *adalah* dalam ayat-ayat berikut dianggap menyalahi tatabahasa bahasa Melayu.

(Nik Safiah et.al, 2004: 251)

Justeru, ayat-ayat contoh yang mereka kemukakan di bawah ini dianggap menyalahi aspek tatabahasa (tidak gramatis).

- [7] *Adalah* diberitahu sekolah akan ditutup esok.
[8] *Adalah* dimaklumkan bahawa kerja gotong-royong akan dimulakan
pada bulan hadapan.
[9] *Adalah* diisytiharkan bahawa Hari Raya Puasa jatuh pada hari Isnin.

- [10] Menurut mereka, ayat-ayat tersebut sepatutnya ditulis sebegini:
- [11] Dengan ini diberitahu bahawa sekolah akan ditutup esok.
- [12] Dengan ini dimaklumkan bahawa kerja gotong-royong akan dimulakan pada bulan hadapan.
- [13] Dengan ini diisytiharkan bahawa Hari Raya Puasa jatuh pada hari Isnin.

Berdasarkan huraian Nik Safiah et.al (2004), kajian ini berpandangan penghuraian tentang gelagat dan kefungisian unsur kenahuan *adalah* dan *ialah* masih tidak memadai kerana penghuraian mereka yang berlegar-legar dalam batasan ayat tunggal ciptaan dan bersifat preskriptif.⁵ Huraian yang bersifat preskriptif sebegini tidak mampu menjelaskan gelagat dan kefungisian unsur nahuan yang dibincangkan secara berpada dan diyakini. Tambahan pula, kesemua kajian-kajian tadi tidak menerapkan sebarang kerangka teori bagi mengukuhkan penghuraian lantas mensahihkan dapatan kajian mereka.

Huraian Nahu Separuh Wacana

Huraian Nahu Separuh Wacana ialah kajian nahu yang dihuraikan berasaskan ayat tunggal yang dipetik daripada teks. Ayat tunggal ini dipetik daripada teks sastra Melayu. Kajian dalam Huraian Nahu Separuh Wacana dipelopori oleh Za'ba (1961) yang digelar sebagai Pendeta Bahasa melalui buku nahu beliau yang tersohor dan menjadi rujukan kepada pengkaji-pengkaji nahu pada zaman sekarang, iaitu *Pelita Bahasa Melayu* Penggal I. Za'ba (1965: ix) pernah mengingatkan orang-orang yang berminat untuk mengkaji bahasanya, khususnya orang Melayu dalam kitabnya itu dengan mengatakan bahawa, bahasa Melayu mesti mempunyai kaedah-kaedahnya yang khas tersendiri daripada bahasa-bahasa lain.

Hal ini bermakna, kita perlu mempunyai jati diri yang teguh dalam memeri bahasa ibunda yang kita sayangi ini dan tidak terpengaruh dengan nahu di Barat. Kenyataan di atas sekaligus menolak pandangan Asmah (1993) yang mengatakan bahawa kata pemer *adalah* berasal-usul dari bahasa Indonesia dan berkaitan dengan terjemahan kata kerja secara langsung dalam bahasa Belanda dan bahasa Inggeris yang dikenali sebagai kata kopula. Yang nyata, kata pemer *ialah* dan *adalah* sudah terlalu lama berakar umbi khususnya dalam teks-teks Melayu klasik dahulu kala lagi.

Melihat kepada huraian buku nahu Za'ba (1961), beliau menamakan kata pemer itu sebagai kata sendi kata, yang mempunyai persamaan makna dengan *iaitu*. Contoh ayat yang beliau berikan berdasarkan petikan daripada hikayat lama iaitu:

- [14] “Maka akan Raja Chola itu *ialah* gerangan Raja Suran yang tersebut kisahnya dalam Sejarah Melayu itu.”
- [15] “Ada padang, *adalah* belalang.”

Oleh kerana Za'ba (1961) menggunakan sumber data yang dipetik daripada petikan hikayat lama, maka sesuai benarlah kajian beliau digolongkan dalam Huraian Nahu Separuh Wacana. Walaupun beliau menggunakan ayat tunggal tetapi beliau tidak menggunakan ayat

⁵ Dalam Zaharani Ahmad (pnyt.) 2008, pendekatan preskriptif menekankan peraturan betul salah penggunaan bahasa dalam masyarakat. Pendekatan ini memerlukan keseragaman dengan menegaskan hanya wujud satu rumus bahasa sahaja, dan bentuk-bentuk yang tidak mematuhi rumus tersebut dianggap salah dan tidak gramatis. Dengankata lain, nahu preskriptif tidak mengiktiraf variasi dan kepelbagaian bentuk, walaupun penggunaannya agak meluas dan produktif.

bikinan sendiri-sendiri tetapi menggunakan sumber data daripada *output* pihak lain. Perkara ini bertepatan dengan apa yang diperkatakan oleh Azhar (1983) yang memanggil nahu sedemikian sebagai nahu ayat tunggal kutipan dan diberi taraf sebagai nahu separuh wacana. Jadi, ia nahu yang agak profesional. Dan nahu yang tidak “profesional” tidak mungkin dijadikan asas untuk membina nahu pegangan (Azhar: 1983: 665).

Selain itu, dapat dilihat juga, contoh ayat yang beliau petik di atas menggunakan ayat pasif kerana genre dahulu kala memang menggunakan struktur ayat pasif berbanding ayat aktif. Selanjutnya, Za’ba (1961) menjelaskan tentang kata sendi kata adalah seperti yang termuat dalam *Pelita Bahasa Melayu* Penggal I seperti berikut:

Ialah, ertinya ia itulah-biasa dipakai pada ayat-ayat yang ceritanya terjadi daripada perkataan yang bukan perbuatan, seolah-olah menghubungkan bahagian benda ayat itu dengan bahagian ceritanya.

Za’ba (1961: 207)

Sungguhpun begitu, kajian ini berpandangan walaupun Za’ba (1961) menggunakan data daripada petikan hikayat lama, namun penghuraiannya tentang kata sendi kata *adalah* dan *ialah* masih terbatas dalam ruang lingkup ayatan sahaja. Bagaimanapun, sumbangan Za’ba dalam penulisan dunia nahu bahasa Melayu benar-benar istimewa dari dahulu hingga sekarang. Meskipun beliau mengakui akan kelemahan buku tatabahasanya tetapi bertitik-tolak daripada usaha beliaulah, lahirnya buku-buku nahu pegangan semasa tanahair yang menjadi rujukan kepada semua pencinta bahasa Melayu. Seperti kata beliau,

Lain daripada itu, pengarangnya sedar ada beberapa kekurangan lagi tentang isinya. Tidak cukup menepati bagaimana semangat dan arahan semulajadi yang khas bagi bahasa Melayu-iaitu semuanya kekurangan yang tidak syak tentu boleh diperbaiki...

Mudah-mudahan kemudian kelak dapat pula diadakan yang lebih baiknya, dan jika tidak pun, orang-orang kemudian tentu akan dapat mengurangkan terlebih baiknya itu, kerana sudah ada dibuatkan permulaannya sebagai pembuka jalan.⁶

(Za’ba, 1965 : vi)

Oleh itu, apa yang dikatakan oleh Za’ba itu adalah realiti yang perlu dilakukan oleh pengkaji-pengkaji bahasa generasi kini dan akan datang. Inilah juga satu percubaan makalah ini bagi menyahut cabaran pendeta kita dalam usaha memerikan nahu *adalah* dan *ialah* dengan lebih baik dengan menggunakan data wacana yang lebih besar dan lengkap serta diyakini kewibawaan penghuraiannya. Sekaligus menutup kelompangan yang ada pada kajian yang sudah-sudah.

Kajian seterusnya dalam Huraian Nahu Separuh Wacana ialah Asmah (1993) yang telah memerikan unsur nahuan *adalah* dan *ialah* dalam buku tatabahasa beliau iaitu *Nahu Melayu Mutakhir*. Beliau menggelarkan unsur nahuan *ialah* dan *adalah* sebagai partikel pemerian, yang berfungsi memerikan subjek ayat, dan partikel-partikel ini diwakili oleh *adalah* dan *ialah*. Asmah juga menjelaskan bahawa kedua-dua partikel ini terdapat dalam ayat pemerian iaitu yang terdiri dari Frasa Benda-Frasa Benda atau Subjek-Predikat Nama. Disebabkan beliau juga ialah pakar sejarawi maka sebab itulah dalam permulaan penghuraian Asmah, beliau menyingkap etimologi atau asal-usul perkataan *adalah* dan *ialah*. Asmah berpandangan bahawa kata pemerian *ialah* merupakan kata anafora dan berasal daripada gabungan *ia* dan *lah*.

⁶ Ejaan bagi petikan diubah mengikut sistem ejaan rumi baharu bahasa Melayu.

Kata anafora ini menjadi rujukan ke belakang dengan subjek yang mendahuluinya (di depan). Asmah (1993) mewajarkan pendapatnya dengan memberikan contoh ayat, yang pada hemat beliau telah mengalami proses rujukan ke belakang. Jika ditambah dengan tanda koma pula, rujukan ke belakang tersebut akan lebih ketara. Contoh ayat Asmah (1993: 211) ialah:

[16] Ahmad, *ialah* penghulu kampung itu.

Selain itu, Asmah (1993) mencadangkan kata pemerian *ialah* di atas digantikan dengan *dialah* bagi memperlihatkan dengan lebih ketara hubungan anafora yang beliau maksudkan itu. Misal ayat yang diberikan seperti berikut:

[17] Ahmad, *dialah* penghulu kampung itu.

Pada hemat beliau, *ialah* tidak wajib digunakan dan biasanya tidak diguna pakai dalam bahasa lisan. Peranan koma tadilah yang menggantikan fungsi *ialah*. Tambah beliau lagi, *ialah* tidak boleh digunakan jika subjek ayat didahului oleh kata ganti nama orang ketiga iaitu *dia*, *ia* dan *mereka*. Berikut ialah contoh ayat Asmah (1993: 212):

- [18] (i) *Dia *ialah* kawan saya.
(ii) *Ia *ialah* guru sekolah itu.
(iii) * Mereka *ialah* kawan kami.

Alasan yang Asmah perjuangkan ialah ganti nama tersebut ialah kata nama tak bernyawa. Jadi, ayat tersebut tidak gramatis (tidak mengikut peraturan nahu yang betul) iaitu yang digambarkan melalui tanda * .

Begitu juga dengan partikel pemerian *adalah* dikatakan Asmah (1993) berasal daripada perkataan *ada* dan *lah*. Dari segi sejarahnya, partikel pemerian *adalah* berasal dari bahasa Indonesia dan berkaitan dengan terjemahan kata kerja secara langsung dalam bahasa Belanda dan bahasa Inggeris yang dikenali sebagai kata kopula. Walau bagaimanapun, beliau menjelaskan dari aspek kefungsiannya dalam ayat, sungguhpun *adalah* mempunyai komponen *ada* (kata kerja) dan *lah* (partikel penegas), kata itu tidak pula membawa fungsi kata kerja kerana ciri-cirinya sebagai kata kerja tidak dapat dibuktikan, selain ia tidak boleh didahului oleh kata kerja bantu dan kata nafi serta tidak dapat diikuti oleh adverba. Asmah (1993) menegaskan bahawa *adalah* boleh ditiadakan seperti dalam ayat (ii) di bawah:

- [19] (i) Dia *adalah* kawan saya.
(ii) Dia kawan saya.

Menurut Asmah (1993) lagi, penggunaan *adalah* berbeza berbanding *ialah* kerana kata nama daripada berbagai subgolongan serta kata ganti nama boleh mendahului *adalah*.

Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa kajian Asmah (1993) tentang *adalah* dan *ialah* masih terbatas dalam ruang lingkup ayatan sahaja walaupun beliau memetik keluar data daripada petikan. Tidak hairanlah jika ada pengkaji⁷ yang melabelkan Asmah sebagai nahu separuh wacana⁸. Oleh yang demikian, walaupun kajian Za'ba (1961) dan Asmah (1993) memanfaatkan data yang dipetik keluar daripada teks Melayu namun penerangan mereka yang terbatas dan terkongkong dalam ruang lingkup ayatan sahaja tidak memadai untuk menjelaskannya secara keseluruhan tentang gelagat dan kefungsiannya *adalah* dan *ialah*.

Huraian Nahu Korpus

Huraian Nahu Korpus ialah huraian linguistik tentang unsur nahuan *adalah* dan *ialah* berasaskan data sebenar, iaitu data korpus berkomputer. Ada dua kajian yang memanfaatkan penggunaan korpus untuk meneliti dan menghurai fenomena bahasa Melayu khususnya dalam aspek kenahuan *adalah* dan *ialah* iaitu Idris (2004) dan Noriha (2004). Kedua-dua kajian ini memanfaatkan data korpus UKM-DBP. Berbanding kajian-kajian sebelum ini, pendeskripsian unsur nahuan *adalah* dan *ialah* berteraskan data korpus dilihat lebih empirik kerana data yang lebih besar dan autentik sifatnya, dan mencerminkan penggunaan sebenar bahasa dalam masyarakat. Idris (2004) ialah kajian yang dijalankan sempena *Prosiding Seminar Sehari Linguistik, UKM Bangi*. Beliau menyatakan bahawa data korpus yang dimanfaatkan dalam bab tersebut ialah sebanyak 1.023 juta kata sahaja. Pemerihalan unsur nahuan golongan kata tugas ini diteliti pada aras perenggan kerana menurut beliau kajian oleh pengkaji sebelum ini hanya berasaskan ayat tunggalan rekaan pada aras ayat sahaja, lantas memungkinan kelompangan pemerian yang kurang komprehensif, disebabkan gelagat sebenar penggunaan kedua-dua unsur itu tidak cukup untuk menggambarkan gelagat sebenar oleh data yang relatif dan terbatas, tidak empirik serta aras analisis yang kecil. Pemerihalan oleh beliau pada aras perenggan adalah wajar kerana manusia berbahasa bukan sekadar menghasilkan ayat secara terpisah-pisah satu-satu malahan dalam satu lakuan bahasa yang dipanggil wacana. Dakwa beliau lagi, salah satu cebisan wacana ialah perenggan, selain daripada bahagian atau gugusan perenggan.

Idris (2004) mendapati kehadiran kata pemerian *adalah* dan *ialah* memang produktif di dalam korpus kerana daripada kelompok 50 kata terbanyak kedua-dua unsur nahuan itu hadir masing-masing menduduki tempat 27 dan 36, atau 0.3473% dan 0.2470%. Beliau juga membuat analisis data dalam dua tahap. Pertama, beliau mencerakin kehadiran unsur *adalah* dan *ialah* dari beberapa sudut iaitu mencerakin kehadiran keseluruhan *adalah* dan *ialah* dalam korpus dan penggunaan masing-masing sebagai ayat pertama perenggan iaitu ayat topik. Berikut contoh perenggan yang dikembangkan daripada ayat topik *adalah* seperti dalam korpus kajian beliau:

[20] Itu semua *adalah* pencapaian hasil daripada usaha dan pimpinan Mahathir, yang mengutamakan kekuatan ekonomi. Sewaktu perusahaan membuat kereta nasional Proton Saga hendak dimulakan, lebih ramai orang menentang daripada menyokong projek yang dijalankan tetapi Mahathir berdegil. Dia buat juga. Akhirnya seperti yang kita semua tahu, dia Berjaya.

Sementara contoh perenggan yang dikembangkan daripada ayat topik *ialah* pula seperti berikut:

[1] Barang-barang pengguna *ialah* baraaang-barang dan perkhidmatan yanag dibeli oleh pengguna terakhir untuk kegunaan mereka sendiri. Di Malaysia, pasaran dalam negeri yang terbesar adalah pasaran barang-barang pengguna. Pada tahun 1980, sebanyak \$26,436 juta telah dibelanjakan untuk membeli barang-barang pengguna oleh lebih kurang 14.3 juta penduduk.

⁷ Pengkaji yang dimaksudkan ialah Azhar M. Simin (1991:37) kerana dalam tesis ijazah kedoktoran beliau yang bertajuk *Sintaksis-Wacana Yang dalam bahasa Melayu* ada menyebut bahawa nahu Asmah Hj. Omar adalah nahu bahasa Melayu yang pertama sekali menggunakan secebis wacana. Asmah Hj. Omar dalam buku *Nahu Melayu Mutakhir* (1980) ada mengemukakan satu contoh penggunaan satu cebisan wacana untuk menggambarkan proses penyenapan dalam klausa. Jika ini satu- satunya contoh dan satu contoh sahaja tentang penggunaan secebis naratif seperti yang terdapat dalam buku nahu Asmah Hj. Omar ini, ini mungkin terjadi oleh kerana proses seperti penyenapan memanglah sesuai digambarkan dalam batasan data yang lebih besar daripada ayat, iaitu wacana.

⁸ Menurut Azhar (1991: 33), nahu separuh wacana adalah nahu yang memetik keluar ayat-ayat tertentu daripada sesuatu wacana tertentu untuk dibuat pernyataan-pernyataan linguistik berkenaan dengannya.

Seterusnya beliau mencerakin *adalah* dan *ialah* sebagai bukan ayat pertama dalam perenggan dan mencerakinkannya sebagai unsur ayat pertama. Kedua, gelagat penggunaan kedua-dua unsur kenahuan itu dalam kedudukan pola di atas diteliti dan dijelaskan.

Idris (2004) menggunakan perisian komputer *MonoConc for Window (MFW)* dalam pencerakinkannya. Bagaimanapun, beliau mengakui perisian tersebut mempunyai kelemahan tersendiri kerana tidak mampu membuat cerakinkan di aras perenggan sehingga beliau terpaksa membuat cerakinkan dan pengiraan secara manual. Ternyata hasil analisis mendapati *adalah* dan *ialah* merupakan alat yang berguna untuk menghasilkan perenggan, *adalah* berfungsi sebagai pemerihal idea umum, sementara *ialah* dimanfaatkan sebagai pemerihal idea khusus dan *adalah* di awal ayat dimanfaatkan sebagai penegas idea.

Menurut hasil analisis daripada korpus tersebut, Idris (2004: 213) menyimpulkan kefungsiian *adalah* sebagai pemerihal idea umum dijumpai paling banyak dalam korpus iaitu hadir sebanyak 184 kali atau 74%. Ini bermakna *adalah* berperanan memerihalkan atau menyatakan idea baru yang dikenali sebagai unsur rema ayat/klausa. Idea baru itu bersifat pandangan umum semata-mata, mujarad, malah juga dapat membayangkan sikap pewacana tentang titik tolak idea (tema). Buktinya dalam contoh [37] di bawah:

[2] 34. Pembelajaran *adalah* hasil daripada pengalaman dan pengamatan. Manusia belajar melalui dua cara, pertama, secara formal dan kedua, secara tidak formal. Secara tidak formal, manusia belajar daripada segala apa yang mereka alami dan amati. Manusia belajar dengan cara membaca, melihat iklan, mendengar pengalaman orang-orang lain, mengalami sendiri dan berbagai-bagai cara lagi. Segala pengalaman yang dipelajari ini akan mempengaruhi tingkah laku mereka. Pengguna belajar dengan cara cuba-cuba. Mereka cuba membeli dan menggunakan satu-satu keluaran. Sekiranya keluaran itu memuaskan, mereka akan membeli dan membelinya lagi hingga ke satu ketika apabila mereka mendapat pengetahuan dan maklumat tentang sesuatu keluaran yang lebih baru dan teringin untuk mencubanya.

Sementara *ialah* pula didapati lebih digunakan sebagai pemerihal idea khusus, iaitu sebanyak 181 kali atau 72% dalam fungsinya untuk memerihalkan atau menyatakan sesuatu idea baru (rema) secara lebih khusus, rinci, serta bersifat takrifan. Contoh dalam batasan korpus aras perenggan yang dikemukakan ialah seperti berikut:

[3] 95. Satu lagi kaedah yang menggunakan pertimbangan yang lazim *ialah* kaedah perjumlahan malar. Dalam keadaan ini, responden diminta mengagih-agihkan sejumlah markah, biasanya 10 atau 100 di antara beberapa jenama keluaran berhubung dengan satu-satu ciri. Ini ditunjukkan seperti contoh iii di bawah.

Selain itu, Idris (2004) juga mendapati gelagat kehadiran unsur nahuan *adalah* dominan pada awal ayat sebelum kata kerja, sama ada sebelum kata kerja pasif ataupun kata kerja aktif dan hadir sebelum kata/frasa sifat. Sekaligus penemuan saintifik ini menolak pandangan pengkaji-pengkaji sebelum ini yang tidak menggalakkan penggunaan kata pemerihal sebelum kata tersebut. Bagaimanapun, Idris (2004) mengakui mungkin ada kebenaran tentang pandangan mereka itu. Lihat bukti berikut:

- a) Penggunaan kata pemerihal *adalah* sebelum kata kerja pasif
[39]

1. ik untuk pengguna. Selepas konsep keluaran, timbul pula apa yang disebut sebagai konsep menjual. Adalah dipercayai bahawa keluaran dan perkhidmatan yang bermutu tinggi sahaja belum menjamin satu-satu k...

- b) Penggunaan kata pemerian *adalah* sebelum kata kerja aktif
[40]
21.... logi baru dan mendalami misteri penyakit melalui penyelidikan asas, klinikal dan epidemiologikal. *Adalah* menjadi harapan kita yang pesakit dari seluruh dunia akan datang ke HUKM untuk rawatan tertentu y...
- c) Penggunaan *adalah* di awal kata/frasa sifat
[41]
2.... asa depan dengan syarikat multinasional yang beroperasi secara usaha sama dalam negara membangun. *Adalah* sudah nyata bahawa kegiatan usahasama dengan syarikat multinasional dari negara membangun akan me...

Kajian seterusnya disusuli oleh Noriha (2004) dalam tesis sebagai sebahagian syarat mendapat ijazah sarjana lanjutan beliau yang bertajuk, *Adalah dan ialah: nahu berasaskan data korpus*. Kajian Noriha sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini mempunyai persamaan dengan Idris dari segi metodologi kerana menggunakan data korpus UKM-DBP. Beliau cuba menghurai dan menjelaskan kefungsiian *adalah* dan *ialah* dalam aras perenggan turun ke aras ayat. Selain menggunakan data korpus berkomputer Dewan Bahasa dan Pustaka yang ternyata lebih besar dan luas, Noriha (2004) mahu menunjukkan bahawa korpus memainkan peranan penting dalam menghurai maklumat nahuan berbanding ayat tunggal rekaan yang digunakan oleh pengkaji sebelum ini. Maklumat nahuan tadi, dihurai menggunakan kerangka teori Halliday (1985). Noriha (2004) menggunakan sub korpus majalah ilmiah dalam jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka keluaran Mac hingga Jun 1998. Saiz data yang beliau gunakan ialah sebanyak 201 muka surat bersamaan dengan jumlah sebanyak 51205 patah perkataan atau 10% daripada 0.5 juta data untuk kajian beliau.

Berdasarkan analisis yang dilakukan ke atas 189 data bagi *adalah* dan 145 data bagi *ialah* Noriha (2004) mendapati sebanyak 49 kali *adalah* berfungsi sebagai ayat topik pertama perenggan manakala *ialah* hadir sebanyak 37 kali dalam ayat pertama perenggan. Sama seperti Idris (2004), Noriha (2004) mendapati unsur nahuan ini memang produktif dalam korpus dan berfungsi sebagai alat yang baik dalam pembinaan perenggan. Berikut diperturunkan satu contoh data *adalah* dan *ialah* sebagai ayat pertama perenggan yang dijumpai oleh Noriha (2004).

[42] Contoh data *adalah* dalam ayat topik pertama

2. Tujuan kajian *adalah* untuk mengenal pasti punca yang membawa kelemahan pelajar dalam menjawab soalan rumusan karangan. Kerana itu faktor-faktor penyebab itu akan diteliti dan diselidiki dan seterusnya dicadangkan beberapa cara yang sesuai untuk mengatasi kelemahan pelajar.

[43] Contoh data *ialah* dalam ayat topik pertama

2. Markah yang diperuntukkan untuk bahagian ini *ialah* 30% daripada jumlah keseluruhan markah BM 2. Hal ini bermakna sekiranya markah yang diperoleh daripada bahagian ini rendah akan terjejaslah markah untuk BM 2 dan BM

keseluruhannya.

Noriha (2004) menerangkan bagaimana penggabungan elemen tema dan rema menghasilkan ayat topik seperti dalam contoh di atas. Seterusnya, ayat/klausa topik tersebut akan dikembangkan melalui ayat kedua dan ayat berikutnya sama ada daripada unsur tema mahupun remanya bagi membentuk kesatuan perenggan yang utuh.

Noriha (2004) juga menganalisis *adalah* dan *ialah* dalam aras ayat. Pada aras ini, *adalah* didapati berfungsi sebagai pemerihal idea umum yang lebih dominan dan hadir sebanyak 151 kali atau 79.89%. Keduanya, *adalah* berfungsi sebagai pemerihal deduksi yang berstatus suku dominan iaitu hadir sebanyak 38 kali atau 20.11%. Berikut dipaparkan satu contoh dapatan beliau daripada sub korpus tersebut:

- [42] 16. Manakala proses penguasaan bahasa kedua pula *adalah* satu proses yang berpilihan, iaitu mempunyai sifat kesengajaan. Proses penguasaan bahasa kedua biasanya didorong atau dimotivasikan oleh sebab-sebab tertentu. Tanpa sebab, biasanyabahasa kedua tidak akan dipelajari.

Beliau seterusnya mencerakin data bagi *adalah* sebagai pemerihal idea umum berdasarkan cerakinan struktur tema dan rema Halliday (1985) seperti berikut:

DATA AYAT [27] 16 Manakala proses penguasaan bahasa kedua <i>adalah</i> satu proses yang berpilihan, iaitu mempunyai sifat kesengajaan.	
TEMA	REMA
Manakala proses penguasaan bahasa kedua	adalah satu proses yang berpilihan, iaitu mempunyai sifat kesengajaan.

Berdasarkan data di atas, Noriha (2004) menjelaskan bahawa titik tolak tema dalam ayat tersebut ialah *manakala proses penguasaan bahasa kedua*, dan rema yang disampaikan ialah *adalah satu proses yang berpilihan, iaitu mempunyai sifat kesengajaan*. Jadi, *adalah* berperanan sebagai pemerihal idea baru (rema) berkenaan yang bersifat pandangan umum pewacana semata-mata iaitu *satu proses yang berpilihan, iaitu mempunyai sifat kesengajaan* bagi menjelaskan *proses penguasaan bahasa kedua* pada bahagian tema ayat. Cerakinan yang sama juga dilakukan oleh Noriha (2004) ke atas semua data pilihan dengan menerapkan kerangka Halliday (1985).

Tidak dapat dinafikan daripada dapatan korpus Noriha (2004), ternyata kata pemerihal memang produktif digunakan dalam korpus. Ini menolak pandangan penahu Nik Safiah Karim dan rakan-rakan (2004) yang tidak menggalakkan penggunaan unsur nahan *adalah* dan *ialah* dalam ayat. Jelas daripada dapatan analisis, satu keputusan yang sangat menggalakkan tentang gelagat dan kefungsiian *adalah* dan *ialah* dalam korpus dapat disahkan, iaitu sebagai alat dalam pembinaan perenggan kerana dalam aras ayat, Noriha (2004) menyimpulkan bahawa *adalah* berfungsi sebagai pemerihal idea umum dan pemerihal deduksi. Sementara *ialah* dalam aras ayat berfungsi sebagai pemerihal idea khusus dan pemerihal definisi.

Seterusnya penulisan artikel oleh Khairul Taufiq Abu Bakar (2017) dalam Jurnal Linguistik dilakukan bertujuan untuk menilai semula gelagat penggunaan sebenar kata pemerihal *ialah* dan *adalah*. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat segelintir ahli bahasa yang menyatakan bahawa penggunaan kata pemerihal amat terbatas dan tidak kurang juga ada antara mereka yang tidak menggalakkan penggunaannya. Menurut Khairul, pendapat atau dakwaan

tersebut ternyata dipengaruhi oleh jenis data yang digunakan oleh mereka semasa menghuraikan tatacara penggunaan kata pemerri dalam binaan ayat bahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, bagi membuktikan kesahihan pendapat atau dakwaan tersebut, pembuktian daripada data korpus perlu dilakukan. Khairul juga memanfaatkan data sebenar yang dijana daripada pangkalan data korpus lima juta UKM-DBP. Beliau menggunakan data yang digunakan dalam kajian ini hanya melibatkan data yang diambil daripada subkorpus akhbar, iaitu akhbar Berita Harian yang dijana dengan menggunakan perisian Wordsmith Tools 5.0. Hasil daripada proses penelitian data yang dilakukan berjaya membuktikan bahawa penggunaan kata pemerri ternyata semakin meluas dan produktif. Hakikatnya, analisis pragmatik yang menerapkan teori relevans turut berjaya membuktikan bahawa kata pemerri ialah yang pada asasnya hanya boleh hadir di hadapan frasa nama sebenarnya boleh juga hadir di hadapan frasa kerja, frasa adjektif, frasa sendi nama, dan klausa kecil. Begitulah juga halnya dengan kata pemerri adalah yang pada asasnya hanya boleh hadir di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama tetapi dapatan daripada analisis pragmatik yang menerapkan teori relevans ini berjaya membuktikan bahawa kata pemerri adalah boleh juga hadir di hadapan frasa nama, frasa kerja, dan klausa kecil. Seterusnya, usaha pemerihalan semula kata pemerri sememangnya perlu dilakukan oleh ahli-ahli bahasa terutamanya ahli-ahli bahasa yang menghasilkan buku nahu pegangan. Hal ini dikatakan demikian kerana dapatan daripada kajian lanjutan ini berjaya membuktikan bahawa gelagat penyimpangan (anomali) penggunaan kata pemerri yang selama ini sentiasa menimbulkan konflik atau pertikaian dan seterusnya dianggap sebagai salah dan tidak gramatis sebenarnya tidak menimbulkan sebarang masalah kepada sistem nahu atau tatabahasa bahasa Melayu. Sebaliknya, aspek yang menimbulkan masalah kepada sistem nahu atau tatabahasa bahasa Melayu sebenarnya berpunca daripada kepelbagaian huraian yang berkaitan dengan tatacara penggunaan kata pemerri yang dikemukakan oleh ahli-ahli bahasa itu sendiri. Oleh hal yang demikian, dengan adanya penerapan teori linguistik dan penjanaan data sebenar daripada pangkalan data korpus berkomputer, diharapkan kajian ini mampu menyumbang kepada perkembangan bidang ilmu linguistik Melayu di Malaysia

Maka, ternyata kajian Idris (2004) dan Noriha (2004) dan Khairul Taufiq Abu Bakar (2017) lebih berjaya membuktikan gelagat dan kefungsiian unsur nahuan *adalah* dan *ialah* berbanding kajian-kajian sebelumnya yang bersifat preskriptif dan terbatas dari aspek data dan penghuraiannya. Walau bagaimanapun, Idris (2004) sendiri mengakui terdapatnya kelemahan dari aspek perisian yang tidak dapat membuat cerakinan di aras perenggan, sehingga pengiraan terpaksa dilakukan secara manual oleh pengkaji, namun hasil kajian tetap memberi impak yang besar kerana berjaya membuat penghuraian gelagat dan kefungsiian *adalah* dan *ialah* secara berpada, konkrit, dan empirik dalam aras yang lebih besar, iaitu perenggan berbanding kajian sebelum-sebelum ini. Bagaimanapun, apa yang pasti, kajian Idris (2004), Noriha (2004) dan Khairul Taufiq Abu Bakar (2017) mempunyai sedikit kekurangan kerana analisis kenahuan bagi data korpus mereka hanya terkongkong setakat batasan perenggan sahaja.

Huraian Nahu Wacana

Pembaharuan kajian yang dibawa oleh Norhasliza (2010), melalui penulisan tesis beliau sebagai sebahagian syarat mendapat ijazah sarjana lanjutan yang bertajuk, *Adalah dan ialah dalam wacana: Analisis nahu fungsional* menyahut cabaran yang disuarakan oleh Noriha (2004: 83) bahawa kajian lanjutan perlu diteroka dalam aras yang lebih besar, iaitu gugusan perenggan. Oleh itu, inisiatif diambil oleh Norhasliza (2010) untuk meneruskan legasi keilmuan dalam kajian bidang nahu dan wacana bersandarkan data yang menyeluruh dan lengkap, iaitu teks wacana dalam menghurai aspek kenahuan *adalah* dan *ialah* ini secara deskriptif dan berpada. Teks wacana yang digunakan sebagai bahan analisis ialah sebuah teks

akademik. Teks wacana ini bersifat asli dan tidak diunggulkan datanya serta merupakan *output* daripada pihak lain. Pemerihalan dan penghuraian kata pemerih dibuat melalui pendekatan analisis nahu fungsional yang diperkenalkan oleh Halliday (1994) dan Idris (2008). Bagi nahu ini, ayat/klausa dicerakin berdasarkan kepada tiga unsur utama, iaitu Pemeran (Pmr), Proses (P) dan Penerang (Pn). Bagaimanapun unsur-unsur tersebut berpotensi mempunyai subunsur, seperti Pelaku (Plk), Namaan (Nm), Sasaran (Ssr) Penderia (Pdr), Fenomena (Fmn), Pengujar (Pgj), Sifat (Sft) dan Penganjur (Pgjr). Subunsur 'Proses' boleh berupa lakuan, keadaan, mental, kewujudan, atau verbal, secara metafora atau tidak. Unsur 'Penerang' boleh hadir pada awal, tengah atau akhir ayat/klausa (Idris 2008). Hasil dapatan mendapati *adalah* dan *ialah* sebenarnya giat hadir dalam wacana kajian lantas menolak pandangan buku nahu pegangan semasa yang tidak menggalakkan penggunaan kedua-dua unsur nahuan tersebut dalam pembentukan ayat-ayat bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini mendapati bahawa *adalah* dan *ialah* sebagai Proses merupakan alat yang sangat berguna untuk membentuk bahagian Penjelasan Idea wacana. Seterusnya, pada aras perenggan, *adalah* dan *ialah* didapati menjadi alat yang sangat berguna untuk membina perenggan deduktif selain menyokong binaan perenggan. Pada aras ayat/klausa pula, *adalah* sebagai Proses didapati berfungsi sebagai pemerihal Tema umum, dan *adalah* sebagai bukan Proses didapati berfungsi sebagai penegas Tema dan pelengkap Rema. Bagi unsur nahuan *ialah* pula, didapati *ialah* sebagai Proses berfungsi sebagai pemerihal Rema khusus. Bagaimanapun *ialah* sebagai pemerihal Rema khusus dikenal pasti mempunyai subfungsi lain, iaitu berfungsi sebagai pemerihal Rema khusus perincian dan takrifan.

Terbukti bahawa pemanfaatan teks wacana sebagai data kajian sangat berguna dalam memerihal unsur nahuan *adalah* dan *ialah* dengan lebih baik dan menyeluruh berbanding pendekatan data ayat tunggal rekaan penahu sendiri, ayat petikan daripada wacana dan nahu batasan perenggan sekiranya diadun bersama-sama kerangka teori linguistik. Ini menjadikan kajian Norhasliza (2010) telah mencapai objektifnya. Bagaimanapun, masih banyak ruang kepada kajian mendatang sekiranya kajian tentang aspek kata pemerih ini diluaskan kepada unsur nahuan kata pemerih yang lain selain *adalah* dan *ialah*, iaitu *merupakan* dan *ada* (mengikut pendapat segelintir ahli bahasa yang lain) ataupun kepada unit nahuan yang lain dengan menggunakan genre wacana yang pelbagai.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan yang menyeluruh tentang hasil dapatan kajian-kajian lepas tentang *adalah* dan *ialah*, dapatlah disimpulkan bahawa kesemua kajian tersebut tidak dinafikan menyumbang kepada percambahan ilmu linguistik itu sendiri mengikut peredaran masa dan zaman yang diwakili oleh pengkaji-pengkaji tersebut, meskipun terdapat beberapa kekurangan. Tuntasnya, kajian-kajian tersebut bakal menjadi titik-tolak kepada kajian-kajian mendatang dan diharapkan pula dapat menyumbang kepada percambahan ilmu dalam bidang linguistik dan bakal menjadi rujukan kepada masyarakat khususnya pelajar, guru, dan pencinta bahasa Melayu yang sentiasa dahagakan ilmu pengetahuan baharu yang sentiasa segar, dinamik, saintifik dan berpada penghuraiannya.

Rujukan

Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (1994). *Tatabahasa dinamika*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Anon Mohd. (1995). *Bahasa Melayu kemahiran*. Pulau Pinang: Pejabat Bahasa dan Terjemahan Universiti Sains Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (1993). *Nahu Melayu mutakhir*. Ed ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Had Salleh. (1998). *Universiti sebagai taman minda*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azhar M. Simin. (1993). *Sintaksis-wacana 'yang' dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cambridge advance learner's dictionary*. (2005). Second Edition. Cambridge University Press.
- Cook, G. (1992). *Discourse*. Cetakan ketiga. Oxford: Oxford University Press.
- Darwis Harahap. (1994). *Pembinaan kata kerja dari sudut makna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Halliday. M.A.K. (1994). *An introduction to functional grammar*. Second Edition. London: Arnold.
- Harimurti Kridalaksana. (1978). *Kamus linguistik*. Ed. ke-2. Jakarta: Gramedia.
- Hoey, M. P. (1983). *On the surface of discourse*. London: Llen and Unwind.
- http://ms.wikipedia.org/wiki/Awang_Had_Salleh
- Idris Aman. (2004). Kata pemerian *adalah* dan *ialah*: analisis data korpus berkomputer. Prosiding Seminar Sehari Linguistik, UKM Bangi.
- Idris Aman. (2006). *Bahasa dan kepimpinan: Analisis wacana Mahathir Mohamad*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris Aman. (2008). *Dan* dalam wacana: Analisis nahu fungsional. *Kuntum Budi Sumbangsih*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Hlm 37-46.
- Idris Aman. (2010a). *Analisis wacana*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris Aman. (2010b). Menakhoda kepimpinan: Analisis wacana sulung Perdana Menteri Malaysia Ke-6 Najib Razak. *Kertas kerja Konferensi Linguistik Tahunan Atma Jaya 8 (KOLITA 8)*, Pusat Kajian Bahasa dan Budaya (PKBB), Unika Atma Jaya, Indonesia, Sabtu 24 April 2010.
- Ismail Ahmad. (1996). *Penulisan saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. (2007). Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairul Taufiq Abu Bakar. (2017). Kata pemerian *ialah* dan *adalah*: analisis pragmatik. *Jurnal Linguistik*. 21 (1) 14-28.
- Longacre, R. E. (1979). The paragraph as a grammatical unit. in Givon, T. *Syntax and Semantics. Volume 12: Discourse and Syntax*. Edition. New York: Academic Press. Hlm. 116-117.

- Mohd. Sheffei Abu Bakar. (1991). *Metodologi penyelidikan untuk ekonomi dan bidang-bidang berkaitan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2004). *Tatabahasa dewan*. Ed. Baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nathesan S. (1999). *Pendekatan dan teknik pendidikan bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhasliza Ramli. (2010). *Adalah dan ialah dalam wacana: Analisis Nahu Fungsional*. (Disertasi Ijazah Sarjana tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Noriha Basir. (2004). *Adalah dan ialah: Nahu berasaskan data korpus*. (Disertasi Ijazah Sarjana tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Pike, K.L. & Pike.E.G. (1977). *Grammatical Analysis*. Dallas: Summer Institute of Linguistics.
- Sanat Md. Nasir. (1996). *Tautan dalam wacana bahasa Melayu akhbar: Analisis rencana pengarang Utusan Zaman (1957-1961)*. (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sivachandralingam Sundara Raja. (2002). *Pemikiran dan penulisan ilmiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sulaiman Masri. (2005). *Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan (Esei, Proposal Tesis)*. Ed. Baru. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn. Bhd.
- Yunus Maris. (1978). Keperihalannya keadaan: Satu teknik menganalisa makna dalam Abdullah Hassan (ed). *Rencana linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm 164-169.
- Zainal Abidin Ahmad, Za'ba. (1961). *Pelita bahasa Melayu* Penggal I. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad (pnyt.). (2008). *Aspek nahu praktis bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.